



MAJLIS DAERAH PEKAN (IKLAN JAWATAN KOSONG)

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Pahang Darul Makmur yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

BIL.	JAWATAN	KLASIFIKASI	TARAF JAWATAN
1.	Penolong Pegawai Penilaian W29	Kewangan	'Contract For Service' (Cfs)
2.	Penolong Arkitek Landskap JA29	Kejuruteraan	'Contract For Service' (Cfs)
3.	Pereka B19	Bakat dan Seni	Pekerja Sambilan Harian (PSH)
4.	Juruteknik Komputer FT19	Sistem Maklumat	Pekerja Sambilan Harian (PSH)

A. CARA MEMOHON DAN SYARAT-SYARAT:

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun di laman web Majlis Daerah Pekan iaitu <https://www.mdpekan.gov.my>
2. Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan bersama **salinan dokumen yang telah disahkan** :-

- i) Sijil Kelahiran
- ii) Kad Pengenalan (depan dan belakang)
- iii) Sijil Berhenti Sekolah
- iii) Sijil/Diploma/Ijazah yang berkaitan
- iv) Lain-lain dokumen pengesahan pernah menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan jawatan yang dipohon

3. Sila tulis `nama jawatan' disebelah atas kiri sampul surat bagi permohonan jawatan yang dikemukakan.
4. Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DI PERTUA
MAJLIS DAERAH PEKAN
JALAN MAHKOTA
26600 PEKAN BANDAR DIRAJA
PAHANG DARUL MAKMUR
(U.P: JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 26 MEI 2022

B. CATATAN AM

1. Permohonan **AKAN DITOLAK** jika borang permohonan:
 - i) **Mengemukakan dokumen palsu**
 - ii) **Tidak menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Pekan.**
 - iii) **Tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan.**
 - iv) **Tidak menyertakan dokumen yang dikehendaki seperti yang disyaratkan dan tidak disahkan.**
 - v) **Permohonan diterima selepas tarikh tutup.**
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tersebut tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.
- 4) Sila ambil maklum pengambilan bagi jawatan Contract For Services (Cfs) dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) **bukan suatu jaminan untuk diserap sebagai pegawai lantikan tetap.**

A. SKIM PERKHIDMATAN

JAWATAN	PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN W29
KUMPULAN	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	`Contract For Service' (Cfs)
JUMLAH KEKOSONGAN	1 (SATU)

B. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - i. Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan: RM1,510.92); atau
 - ii. Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan: RM1,510.92); atau
 - iii. Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan: RM1,851.28)

C. SYARAT BAHASA MELAYU

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

D. DESKRIPSI TUGAS

- Menjalankan kerja-kerja penilaian harta bagi maksud kadaran dan insuran untuk semua pegangan dan harta di dalam kawasan dan milik Majlis Daerah Pekan (MDP).
- Menambah dan memperbanyakkan bilangan harta-harta baru yang baru dikenakan cukai selaras kawasan pentadbiran MDP yang meliputi seluruh daerah Pekan kecuali hutan simpan.
- Mengurus dan menyelia harta-harta milik MDP termasuk projek-projek penswastaaan dibawah Unit pelaburan dan penswastaaan.
- Memungut butir-butir mengenai jual beli harta, sewaan, hak milik tanah, mengira keluasan tanah, menganalisis butir-butir jual beli, mengawas dan melaksanakan urusan latihan dan pengurusan pentadbiran yang berkaitan.

A. SKIM PERKHIDMATAN

JAWATAN	PENOLONG ARKITEK LANDSKAP JA29
KUMPULAN	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	'Contract For Service' (Cfs)
JUMLAH KEKOSONGAN	1 (SATU)

B. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - i. Sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)
Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau
 - ii. Diploma dalam bidang senibina landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).
 - iii. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai kemahiran di dalam penggunaan Auto Cadd, 3D Sketch Up dan lain-lain perisian grafik dan rekabentuk.

C. SYARAT BAHASA MELAYU

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

D. DESKRIPSI TUGAS

- Membantu melaksanakan kerja-kerja pengumpulan maklumat untuk perancangan dan reka bentuk projek pembangunan landskap.
- Menyediakan cadangan reka bentuk, pelan-pelan konsep dan laporan cadangan kos projek-projek pembangunan landskap.
- Melaksanakan pembinaan projek pembangunan landskap dan menyediakan program pembangunan rekreasi.
- Melaksanakan kerja-kerja pemantauan penggunaan dan penguatkuasaan dasar, akta, garis panduan dan peraturan berhubung dengan landskap.
- Menyemak, memberi ulasan, membuat kertas kerja dan lawatan tapak di didalam proses OSC online dan CCC bagi permohonan-permohonan kelulusan pelan landskap.

A. SKIM PERKHIDMATAN

JAWATAN	PEREKA B19
KUMPULAN	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
JUMLAH KEKOSONGAN	1 (SATU)
KADAR UPAH	RM 54.00 SEHARI

B. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
 - i. Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa Malaysia dengan memuaskan; atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
 - iii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan atau yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

C. SYARAT BAHASA MELAYU

Memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

D. DESKRIPSI TUGAS

- Bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja rekabentuk grafik dan multimedia, pameran dan publisiti luar ke atas kempen-kempen Majlis Daerah Pekan dalam bentuk visual dan paparan bagi kerja yang berkaitan dengan grafik multimedia.
- Menyelaras, merancang, menyediakan reka bentuk bahan-bahan penerbitan seperti buletin MDP, backdrop dan lain-lain.
- Menyelaras bahan-bahan promosi ke agensi dalam daerah dan negeri, majalah, radio dan majlis sidang media.

A. SKIM PERKHIDMATAN

JAWATAN	JURUTEKNIK KOMPUTER FT19
KUMPULAN	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
JUMLAH KEKOSONGAN	1 (SATU)
KADAR UPAH	RM 54.00 SEHARI

B. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 50 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) i. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan atau yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
ii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
iii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

C. SYARAT BAHASA MELAYU

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

D. DESKRIPSI TUGAS

- Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas merangkumi penyelenggaraan sistem komputer seperti penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kelengkapan IT.
- Tugas-tugas penyelenggaraan aplikasi pengkomputeran, operasi sistem dan rangkaian dalam sesebuah organisasi.
- Membantu menyelia, melaksana dan menyelenggara perkakasan termasuklah server, pusat data dan infrastruktur ICT organisasi.
- Membantu memastikan rangkaian LAN dan WAN berjalan dengan baik setiap hari termasuk peralatan rangkaian (firewall, router, modem dan sebagainya).

- Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang timbul samada masalah yang berkaitan dengan perkakasan, sistem pengoperasian, rangkaian atau perisian.
- Mengenalpasti dan bertanggungjawab dalam penyelenggaraan rangkaian internet, emel dan pusat data.
- Membantu melaksanakan keselamatan kemudahan infrastruktur, teknologi dan data iaitu membuat back up dan replikasi maklumat serta memastikan komputer bebas daripada virus/ berfungsi dengan baik.
- Membantu melaksanakan garis panduan/ peraturan/ tatacara penggunaan kemudahan infrastruktur teknologi termasuklah server dan pusat akses data dipatuhi.